



JURNAL LINGUISTIK Vol. 24 (1) Jun 2020 (033-050)

Ketaksaan Leksikal Dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu

¹Zul Hanis Yop Othman & ²Zaitul Azma Zainon Hamzah
zhyo1991@gmail.com & zazh@upm.edu.my
 Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
 Universiti Putra Malaysia

Tarikh terima : 25 Mac 2020
Received
 Terima untuk diterbitkan : 27 Mei 2020
Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 15 Jun 2020
Published online

Abstrak

Ketaksaan leksikal sama ada perkataan, frasa atau ayat timbul apabila sempadan makna tidak jelas dan tafsiran dan kefahaman ketaksaan leksikal adalah bergantung kepada konteks. Justeru objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu menggunakan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986). Sebanyak 18 orang responden dipilih secara rawak dalam kalangan peniaga di Terengganu. Data dikumpul menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat peniaga Terengganu sangat gemar dan suka menggunakan unsur ketaksaan dalam perbualan mereka secara semula jadi. Hal ini dapat dibuktikan dalam temuan data empiris iaitu terdapat unsur ketaksaan dalam bentuk kata. Kekaburan penggunaan ganti nama 'dia' bagi benda-benda tidak bernyawa telah dapat diselesaikan setelah dianalisis menggunakan Teori Relevans. Tiap-tiap pola ganti nama ini mempunyai makna dan mesej yang berbeza serta ada muslihat dan alasan yang tersendiri. Segala maklumat dalam ujaran itu sendiri memberikan jawapan kepada masalah ketaksaan ganti nama yang timbul. Ketaksaan kata ganti nama 'dia' dapat diselesaikan berdasarkan ujaran dan konteks ujaran itu sendiri. Maklumat tambahan yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah kekaburan ganti nama 'dia' tersedia dalam ujaran itu. Justeru, kajian ini telah dapat mempertingkatkan dan menambah bahan rujukan mengenai kajian ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat Melayu.

Kata Kunci : Ketaksaan Leksikal, Masyarakat Peniaga, Terengganu, Teori Relevans, Perbualan,

The Lexical Ambiguity Of Traders Community Conversation In Terengganu

Abstract

The ambiguity of words, phrases or sentences arises when the boundaries of meaning are not clear and the interpretation and understanding of lexical depend on the context. The aim of this study was to identify and analyze the elements of lexical in the conversation of Terengganu trader's community using Sperber and Wilson's Theory of Relevance (1986). A total of 18 respondents were randomly selected among the traders in Terengganu. Data were collected using observation and interview methods. The results show that the Terengganu trades community is very fond of and prefer to use the element of ambiguity in their conversation. . This is evidenced by the findings of empirical data that there is an element of ambiguity in the form of words. The ambiguity of the use of 'dia' (he) in substitution for inanimate objects has been resolved by using the Relevance Theory. Each of these renaming patterns has different meanings and messages and has its own purpose and reason. All the information in the remarks itself answers to the problem of renaming. The coerciveness of the pronoun 'dia' (he) can be resolved based on the words and context of the utterances itself. Additional information needed to resolve in the issue of ambiguity on pronoun can be found in the text itself.

Thus, this study has help to improve and at the same time can be a reference to the study of lexical ambiguity in the community conversation.

Keywords : Lexical Ambiguity, Traders Community in Terengganu, Relevant Theory, Conversation.

1. Pengenalan

Ketaksaan adalah satu jenis ketidakjelasan makna bahasa dalam bentuk lisan atau tulisan yang berlaku dalam bentuk kata, klausa, ayat dan wacana (Erik Santoso, 2020). Dengan kata lain, ketaksaan bermaksud makna yang tidak jelas dari segi kata, frasa atau ayat (Abdullah Yusof et al 2009). Menurut Harimurti Kridalaksana (1982), ketaksaan memerlukan penganalisisan teks yang dibuat dengan lebih meluas serta mendalam. Oleh yang demikian sebahagian besar pernyataan yang taksa mempunyai kriteria dwiradikal 'either...or'. Pernyataan ini telah disokong oleh Sa'odah Abdullah (1995), yang telah menyatakan bahawa masalah ketaksaan yang melibatkan sistem bahasa ini merupakan salah satu kriteria yang paling sukar.

Dalam bahasa terdapat empat jenis ketaksaan, iaitu ketaksaan struktur, ketaksaan leksikal, ketaksaan figuratif dan ketaksaan yang tidak disengajakan. Ketaksaan gramatikal berlaku apabila proses penggabungan satuan-satuan lingual mengikut sistem bahasa (Dewa & Rohmadi (2008). Ketaksaan ini berlaku pada sintaksis dan juga morfologi (Djajasudarma, 1999). Ketaksaan gramatikal boleh berlaku dalam dua cara, iaitu, pertama, ketaksaan yang dibentuk oleh peristiwa pembentukan kata secara gramatikal. Contohnya pada peringkat morfologi (proses morfemis) yang memberi perubahan makna, prefix peN- + pukul bertukar jadi pemukul dan makna yang berganda iaitu "orang yang memukul" atau "alat untuk memukul". Kedua adalah ketaksaan pada frasa yang mirip atau seakan-akan, yakni setiap kata telah membentuk frasa yang sebenarnya sudah jelas, tetapi gabungannya mengakibatkan makna sesuatu ayat dapat diertikan lebih daripada satu makna. Contohnya dapat dilihat pada ayat, "Ibu bapa Aminah telah jatuh ke dalam sungai Jertih" (Maheram Ahmad, 2016). Ayat ini telah menimbulkan satu kekeliruan sehingga memiliki alternatif yang lain untuk ditafsirkan, iaitu

- a. Ibu kepada bapa Aminah yang jatuh ke dalam Sungai Jertih.
- b. Ibu bapa Aminah yang jatuh ke dalam Sungai Jertih.

Seterusnya, ketaksaan leksikal berlaku apabila butir-butir leksikal mempunyai sifat berganda dari sudut makna disebabkan cara penggunaannya mahupun kerana perkara yang leksidental (Dewa, 2008). Wujudnya ketaksaan ini kerana kata homonim, homofon dan homograf digunakan (Alwi, 2002). Perkara ini ada kaitan dengan makna berganda dalam setiap kata dengan lingkungan penggunaannya. Contohnya:

- a. Leksikal bersifat homonim seperti [daki] dan [kaki]
- b. Leksikal bersifat homofon seperti [bang bank]; [massa-masa]; [rok-rock] dan [syarat-sarat]
- c. Leksikal bersifat homograf seperti [semak], [rending] dan [perang]

Ketaksaan figuratif pula berkait rapat dengan adanya unsur polisemi pada peringkat leksikon dan perbezaan budaya. Ketaksaan figurative terjadi apabila sesuatu makna kata telah dianalisis dalam bentuk figuratif dan bukannya literal. Makna yang diungkap adalah bersifat tersirat (implisit). Dalam menganalisis ketaksaan figuratif dalam ayat, makna figuratif akan dikenal pasti terlebih dahulu. Begitu juga semasa membuat penterjemahan, perlu dilihat terlebih dahulu dari segi kesamaan dan kesejadian. Hal ini kerana perbezaan budaya akan menyukarkan penutur untuk mencari persamaan yang tepat terutamanya dari sudut bentuk. Sebagai contoh:

- a. *Over my dead body* [figuratif] --- langkah mayatku dahulu [figuratif].
- b. *Bare foot* [bukan figuratif] --- kaki ayam [figuratif]
- c. *Blue blood* [figuratif] --- keturunan bangsawan [bukan figuratif]

(Sumber: Maheram Ahmad, 2016)

Jenis keempat ialah ketaksaan yang disengajakan. Dalam penulisan, struktur leksikal dan sintaksis telah disengajakan dari segi ketaksaannya, misalnya dalam teks iklan, tajuk berita dan undang-undang. Ciri stilistik telah dikesan melalui teks sastera. Hal ini bertujuan untuk menimbulkan minat kepada pembaca agar mentafsirkan makna sendiri sekali gus menimbulkan kesan yang mendalam serta berulang. Sebagai contoh dalam teks undang-undang, ketaksaan disengajakan untuk mewujudkan 'loophole' bagi memperoleh pelbagai versi makna interpretasi khususnya dalam pembelaan. Hal ini dapat difahami daripada contoh tajuk berita, iaitu "*Couple among five shot dead robber*" dan "*The book caused Musa a lot of trouble*". Ketaksaan figuratif juga dapat dikesan dalam teks Sastera, iklan dan sebagainya.

Tidak dapat dinafikan, penggunaan bahasa yang taksa telah menyebabkan batasan pemahaman yang tidak efektif bagi pendengar atau pembaca pada peringkat lisan dan tulisan. Setiap kata, frasa, ayat yang mengandungi ketaksaan, secara tidak langsung menjadi tidak efektif dan komukatif kepada pendengar atau pembaca. Hal ini kerana tidak semua pendengar atau pembaca memahami makna yang hendak disampaikan oleh penutur atau penulis melalui kata, frasa, ayat atau ungkapan yang taksa.

Pernyataan Masalah

Makna yang disampaikan penutur boleh dinyatakan sebagai makna harfiah dan makna tidak harfiah. Makna tidak harfiah perlu ditekankan dalam sesuatu ujaran kerana makna tersebut mempunyai makna yang berlainan daripada makna yang ingin disampaikan penutur (Radiah Yusuf & Nor'Aini Ismail, 2000). Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin merungkai kekeliruan makna tidak harfiah yang ada dalam perbualan masyarakat peniaga di Terengganu.

Menurut J.F Hong (2015), ketaksaan leksikal sama ada perkataan, frasa atau ayat timbul apabila sempadan makna tidak jelas dan tafsiran dan kefahaman ketaksaan leksikal adalah bergantung kepada konteks. Justeru, pengkaji ingin mengkaji sama ada ketaksaan dalam perbualan masyarakat peniaga di Terengganu juga melibatkan sempadan makna yang tidak jelas dan kefahaman ketaksaan leksikal ini perlu dianalisis bergantung kepada konteks. Sementara itu, Mursia Ekawati & Asri Wijayanti (2017) menjelaskan ketaksaan merupakan kesalahan yang adakalanya sangat mengelirukan rujukan bagi suatu pemberitaan kerana pemilihan kata daripada penulis menimbulkan ketaksaan yang mengakibatkan pembaca tidak dapat memahami judul berita dengan baik. Seajar dengan itu, pengkaji ingin mengenal pasti wujud atau tidak ketaksaan dalam perbualan masyarakat peniaga di Terengganu yang rujukannya tidak jelas dan perlu dianalisis berdasarkan konteks.

Kajian Zaitul Azma (2005) telah membuktikan keaburan penggunaan kata ganti nama diri 'dia' dan 'kita' dapat diselesaikan dengan menggunakan teori Relevan. Justeru, pengkaji juga akan menggunakan teori relevan untuk menganalisis ketaksaan leksikal yang melibatkan penggunaan kata ganti nama diri 'dia' dalam perbualan masyarakat peniaga di Terengganu.

Bertitik tolak daripada permasalahan yang dikemukakan, wujud ruang yang mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian mengenai unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga di Terengganu. Terdapat dua objektif yang disenaraikan iaitu mengenal pasti unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu dan menganalisis unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu.

2. Sorotan Literatur

Kajian Berkaitan dengan Ketaksaan

Kajian berkaitan ketaksaan telah dijalankan oleh Erik Santoso (2020) dengan memfokuskan penelitian mendeskripsikan ketaksaan kata, frasa atau ayat yang wujud dalam surat khabar suara merdeka dalam bahasa Indonesia. Hasil kajian beliau mendapati bahawa tajuk surat khabar *Suara Merdeka* mengandungi unsur ketaksaan yang meliputi ketaksaan gramatikal dan ketaksaan leksikal. Data ketaksaan gramatikal telah ditemui sebanyak 10 tajuk pada surat khabar dengan 50%. Ketaksaan

leksikal juga berjumlah 10 tajuk dan 50% pada surat khabar. Ullman (2007) menyatakan bahawa ada makna yang berganda disebabkan oleh faktor gramatikal. Menurutnya, dalam bahasa misalnya, terdapat bentuk gramatikal atau pada struktur ayat yang mempunyai makna yang berganda sehingga menimbulkan kekaburan pemahaman pembaca atau pendengar. Imbuan makna yang berlaku pada bentuk gramatikal kerana wujudnya imbuan sufiks dan prefiks. Djajasudarma (1999) menjelaskan bahawa ketaksaan gramatikal berlaku kerana proses penggabungan satuan-satuan lingual mengikut sistem bahasa. Jelas beliau lagi, ketaksaan timbul dalam pelbagai bentuk variasi tulisan atau lisan. Bahasa lisan sering menimbulkan taksa kerana apa-apa yang kita dengar belum tentu maksud itu yang ingin disampaikan oleh si pembicara atau penulis. Menurut Erik Santoso (2020) bagi ketaksaan leksikal pula, sebagai kata, frasa dan ayat yang mempunyai makna ganda kerana kata dasarnya mempunyai lebih daripada satu makna bergantung kepada konteks.

Mursia Ekawati & Asri Wijayanti (2017) dalam kajian tentang ketaksaan judul berita telah menjelaskan jenis ketaksaan dan implikasinya kepada pembaca media massa. Menurutnya, penulisan tajuk berita perlu diteliti dari segi pemilihan kata oleh jurnalis kerana boleh menimbulkan ketaksaan yang mengakibatkan pembaca tidak dapat memahami judul berita dengan lebih baik. Dapatan kajian Mursia Ekawati & Asri Wijayanti (2017) mendapati, terdapat ketaksaan gramatikal dan leksikal dalam judul berita. Ketaksaan leksikal yang terlibat ialah polisemi, homonim dan makna berlawanan. Ketaksaan gramatikal pula disebabkan oleh kurangnya subjek atau penggunaan tanda baca yang betul. Kesan daripada ketaksaan tersebut, sebanyak 20% responden terdidik dan 90% responden tidak terdidik yang tidak boleh memahami tajuk berita dengan baik.

Zaitul Azma Zainon Hamzah (2000) menjalankan kajian bidang pragmatik tentang pertuturan kanak-kanak dan mendapati bahawa wujud ketaksaan penggunaan kata ganti nama diri 'dia' dan 'kita' dalam pertuturan kanak-kanak Melayu. Setelah dianalisis data ujaran yang mengandungi ketaksaan dalam penggunaan kata ganti nama diri menggunakan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986), hasil kajian Zaitul Azma Zainon Hamzah (2000) menunjukkan bahawa 70.4% penggunaan kata ganti nama diri 'dia' adalah merujuk kepada manusia, manakala 40% digunakan untuk merujuk bukan manusia. Begitu juga penggunaan kata ganti nama diri 'kita' pertama mufrad, yang melibatkan rujukan kita sebanyak 76.4% dan 'kita' pertama jamak sebanyak 23.6%. Menurut beliau lagi, ketaksaan dan kekaburan ganti nama diri ini boleh dirungkaikan dengan menggunakan Rangka Rujuk Silang (RRS) yang terkandung dalam Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986).

Nor Hashimah Jalaluddin (1995) telah menyelesaikan masalah kekaburan, meluaskan fungsi ganti nama dia kepada [-manusia], mewajarkan kehadiran ganti nama kosong. Kajian ini juga telah menggunakan teori Relevans kerana teori ini telah menekankan komunikasi dan kognisi yang menjadi inti pati ilmu semantik dan pragmatik. Bertitik-tolak daripada beberapa sorotan kajian di atas, membuktikan wujud ketaksaan dalam kata, frasa dan ayat. Ketaksaan ini boleh diselesaikan menggunakan geori yang sesuai.

Kajian Berkaitan dengan Perbualan

Aminuddin & Zaitul Azma (2016), telah menjalankan dalam kajian perbualan dalam filem Melayu dengan memberi fokus kepada makna ujaran yang saling memahami. Filem yang terpilih sebagai data kajian, ialah 'Lancang Kuning', 'Semerah Padi dan 'Munafik'. Hasil kajian Aminuddin & Zaitul Azma (2016), didapati ujaran ekplikatur dan implikatur mudah difahami oleh penutur. Faktor konteks dan kesan kognitif semasa berinteraksi telah membantu pendengar memahami makna ujaran tersebut.

Sementara itu, Muhammad Zuhair (2015) telah membuat kajian ujaran tidak langsung dalam skrip drama dan beliau mendapati penggunaan ujaran tidak langsung dalam skrip mempunyai lakuan ujaran tertentu dan disampaikan dalam bentuk ayat berlainan seperti ayat tanya, ayat penyata dan ayat perintah. Penggunaan makna yang tidak langsung digunakan oleh penutur secara tersembunyi dengan tujuan lebih santun untuk menjelaskan niat sebenar penutur dan memberitahu maklumat yang tepat kepada pendengar.

Roslina Mamat et al (2014) pula telah menjalankan kajian berkenaan dengan perbualan yang melibatkan pemandu pelancong dalam berbahasa Jepun. Menurut Roslina Mamat et al (2014),

pemandu pelancong perlu mempunyai kemahiran berinteraksi antara budaya demi penyaluran maklumat yang tepat dalam interaksi yang berkesan. Kajian Roslina Mamat et al (2014) telah meneliti ciri perbualan dan langkah-langkah interaksi mengikut konteks perbualan silang budaya antara pemandu Malaysia yang berbahasa Jepun dengan pelancong Jepun di Kuala Lumpur. Responden kajian melibatkan dua orang pemandu yang boleh berinteraksi dalam bahasa Jepun dan data kajian telah dirakam melalui dua bentuk rakaman iaitu audio dan visual interaksi. Hasil kajian Roslina Mamat et al (2014) mendapati strategi berinteraksi kategori pencapaian digunakan dengan lebih meluas untuk mewujudkan interaksi yang berkesan bagi pemandu yang kurang fasih berbahasa Jepun.

Kajian Berkaitan dengan Teori Relevans

Seterusnya kajian berkaitan dengan teori Relevans telah dijalankan oleh beberapa orang pengkaji. Antaranya Norhidayu Hasan (2018) dalam kajian pragmatik yang melibatkan perbualan dalam filem patriotik yang melibatkan penggunaan makna tersirat dalam ujaran. Implikatur yang dihasilkan adalah melanggar Prinsip Kerjasama Grice dan perlu dianalisis berdasarkan konteks dengan menggunakan Teori Relevans (1986) untuk mendapatkan makna sebenar ujaran. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah analisis teks terhadap sembilan filem yang dijadikan bahan kajian. Dapatan kajian Norhidayu Hasan (2018), menunjukkan bahawa teori Relevans telah dapat membantu dalam menginterpretasi makna ujaran dan dapat memastikan niat penggunaan implikatur dalam filem Melayu.

Fatin Rabiha & Zaitul Azma (2017) dalam kajian tentang unsur implisit dalam filem dengan menggunakan Teori Relevans oleh Sperber & Wilson (1986) telah menunjukkan bahawa penggunaan unsur implisit amat ketara dalam filem Melayu Klasik 'Sri Mersing' dalam bait kata, frasa dan ayat. Kajian Fatin Rabiha & Zaitul Azma (2017) telah menggunakan teori Relevans untuk menganalisis makna ujaran implisit dalam filem. Hasil kajian, beliau mendapati terdapat lima petikan yang mengandungi makna ujaran implisit dalam filem ini. Dengan menggunakan teori Relevans elemen makna ujaran implisit telah dapat dirungkaikan berdasarkan konteks, kesan konteks dan kos proses. Intipati kajian Fatin Rabiha & Zaitul Azma (2017) telah menunjukkan bahawa masyarakat sudah memahami tentang bahasa Melayu yang kaya dengan ujaran dan makna implisit sebagai seni berbahasa.

Seterusnya Wong Shia Ho (2014a) dengan kajian ujaran implisit yang terkandung dalam lirik lagu yang turut menerapkan teori Relevans oleh Sperber & Wilson (1986) untuk merungkai makna ujaran implisit bagi mendapat makna yang tepat. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa kehidupan seseorang penagih dadah dapat difahami dan dirasai melalui lirik lagu sebagai bahan kajian dan berjaya 'memasukkan diri' dalam kehidupan penagih dadah berdasarkan lirik lagu yang didengar. Seterusnya, Wong Shia Ho (2014b) turut menggunakan teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986) untuk menganalisis makna ujaran implisit dalam berita sukan. Hasil kajian beliau mendapati bahawa banyak peristiwa yang mengandungi ujaran implisit dapat ditafsirkan sehinggakan pembaca tidak mempunyai masalah untuk memahami makna tersirat yang hendak disampaikan oleh penutur atau penulis.

3. Metodologi

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual. Data temu bual dirakam menggunakan perakam suara. Lokasi temu bual yang dipilih adalah di Pasar Payang, kedai makan, kedai membuat kraftangan, songket, dan batik di sekitar Kuala Terengganu. Selain itu lokasi kedua adalah di Pasar Besar Jerteh, kedai jual beg, kedai jual kasut, kedai jual barang dapur, kedai runcit, dan kedai jual permainan kanak-kanak yang terletak di pinggir bandar Kuala Terengganu.

Sampel kajian terdiri daripada masyarakat golongan peniaga di Terengganu yang dipilih secara rawak semasa proses jual beli dengan pengkaji. Tiada ketetapan umur, jantina, bangsa, agama, taraf akademik dan bilangan sampel dalam satu-satu perbualan. Hal ini kerana pengkaji ingin memfokuskan terhadap ujaran lisan yang mengandungi unsur ketaksamaan samasa sesuatu perbualan itu berlangsung. Berikut merupakan taburan sampel kajian yang telah direkod.

Jadual 1 : Taburan Sampel Kajian

Golongan Peniaga	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Melayu	5	11	16
Cina	-	1	1
India	-	1	1
	Jumlah		18

Jadual 1 adalah data taburan sampel kajian yang direkod oleh pengkaji semasa proses pengumpulan data. Didapati bahawa jumlah keseluruhan sampel adalah sebanyak 18 orang. Dari segi jantina, sampel terdiri daripada 5 orang lelaki dan 13 orang perempuan. Data kajian dirakam menggunakan alat perakam suara jenis Philip Voice Tracer Recorder VTR5000. Hanya alat perakam suara sahaja digunakan dalam kajian ini.

Dalam proses pengumpulan data kajian, pengkaji mengambil tempoh rakaman dalam masa antara 10 minit hingga 20 minit kerana tempoh masa ini yang tidak terlalu pendek dan tidak terlalu lama. Malahan tempoh masa tersebut adalah relevans bagi sesuatu perbualan, (Fatin Rabiha dan Zaitul Azma, 2017). Proses pengumpulan data perbualan bermula dengan mencari sampel yang bersesuaian dengan skop kajian dan yang berminat untuk memberi berkerjasama. Tempoh kajian dibuat sekitar bulan Oktober 2015 hingga April 2016 secara berperingkat.

Proses penganalisan data pula dilakukan dengan melibatkan proses transkripsi perbualan dan pemerhatian terhadap rakaman audio secara berulang-ulang bagi mengenal pasti unsur ketaksaan dalam perbualan masyarakat Terengganu. Seterusnya, apabila transkrip perbualan telah selesai disediakan, pengkaji menganalisis data kajian dengan mengenal pasti kewujudan unsur berkenaan dalam perbualan.

Penganalisan data kajian ini dibuat secara kualitatif. Dengan berpandukan rakaman perbualan dan transkripsi yang dilakukan, proses menganalisis data mentah dilakukan dengan merujuk tiga konsep TR (Sperber & Wilson 1986) iaitu konteks, kesan konteks dan kos memproses sebagai penghujahan dan pembuktian analisis data.

Teori Relevans

Sperber dan Wilson (1986) telah memperkenalkan TR merupakan salah satu teori dalam bidang pragmatik. Kerelevanan ujaran adalah bergantung kepada tiga elemen, iaitu, konteks, kesan konteks dan usaha memproses dalam penghuraian makna sesuatu ujaran.

Konteks ialah set andaian dalam menginterpretasi maklumat yang diungkapkan oleh penutur. Selain itu, konteks merujuk kepada pembinaan seberkas andaian mengenai dunia secara semula jadi oleh pendengar (Nor Hashimah, 2007). Fatin Rabiha & Zaitul Azma (2017) turut menjelaskan bahawa maklumat persekitaran fizikal konteks tidak terbatas dan hampir dengan ujaran terdahulu. Konteks dijelaskan oleh Nor Hashimah (2007) dan Zaitul Azma (2006) melalui tiga cara iaitu pertama, melalui ujaran terdahulu, kedua melalui persekitaran alam dan ketiga melalui memori yang tersimpan catatan ensiklopedia yang dirujuk apabila kata itu timbul dalam ujaran.

Seterusnya ialah kesan konteks yang merupakan andaian awal yang ada pada pendengar mengenai kerelevanan maklumat dengan diri pendengar (Sperber & Wilson, 1986). Catatan ensiklopedia yang tersimpan telah menyebabkan pendengar dapat meklumat konteks dalam ujaran penutur dan terus diproses sama ada digabungkan, dikukuhkan atau digugurkan dengan konteks sebenar ujaran bagi memperoleh kesan konteks yang tinggi (Nor Hashimah, 2007 ; Zaitul Azma, 2006).

Kos memproses pula saling berkait dengan usaha memproses maklumat, (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2006), manakala Nor Hashimah (2007) menjelaskan usaha memproses adalah melibatkan proses penginterpretasi makna ujaran. Apabila usaha memproses maklumat mudah, maka relevanlah ujaran tersebut dan begitu juga sebaliknya.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1 Unsur Ketaksaan Leksikal dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu

Berdasarkan data yang dikumpul, terdapat unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga di Terengganu. Terdapat empat data yang telah dikenal pasti mempunyai unsur ketaksaan yang merangkumi aspek ketaksaan kata, frasa dan ayat.

Jadual 2 : Unsur Ketaksaan Leksikal yang Terdapat dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu

Ketaksaan Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga		
'Dia' [+Manusia]		
Data	Bahasa Melayu	Dialek Terengganu
1	Lepas pada itu mati, mula bekerja dengan 'dia' .	Lepah pado itu mati, mulo duk kijo dengan 'dio' .
'Dia' [-Manusia]		
Data	Bahasa Melayu	Dialek Terengganu
2	Ada. Kerajaan tak ada duit. 'Dia' itu duit kita lah.	Ado. Kajaan tak dok duit. 'Dio' tu duit kite lah.
Ketaksaan Frasa		
Data	Bahasa Melayu	Dialek Terengganu
3	Sebab orang nak beli ikan tak ada sebab nelayan tak pergi ke laut. Sebab ikan import dari Thailand mari. Ikan kotak itu mahal.	Sebab ore nok beli. Iking tak dok sebab nelayan dok g ke laut. Sebab icking import dari Thailand mari. Iking kotok itu yang mahal.
Ketaksaan Frasa		
Data	Bahasa Melayu	Dialek Terengganu
4	Hak nombor satu kena sabar. Sebab rezeki masing-masing. Kadang-kadang ada pelanggan ramai datang masuk kedai kita, dan tuan kedai lain kata kita main barang tak elok .	Hok nombor satu kena sabar. Sebab rezki masing-masing. Kadang-kadang ade pelanggang rama datang masuk keda kita, dang tuan keda laing kate kita main barang dok molek .

Berdasarkan data tersebut, perbualan yang mempunyai ketaksaan amat jelas dalam perbualan masyarakat peniaga di Terengganu. Perbualan yang dikesan melalui kata 'dia', frasa 'ikan kotak' dan ayat, 'kita main barang tak elok' yang mempunyai makna bukan literal dalam perbualan antara penutur dengan pendengar. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan merungkaikan makna ketaksaan berdasarkan Teori Relevans melalui gagasan konteks kesan konteks dan kos memproses.

4.2 Analisis Unsur Ketaksaan Leksikal dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu Menggunakan Teori Relevans

Setelah penggunaan unsur ketaksaan dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu berjaya dikenal pasti, data tersebut dianalisis maknanya berdasarkan Teori Relevans. Teori Relevans menekankan tiga gagasan utama dalam pentafsiran makna iaitu konteks, kesan konteks dan kos proses. Tiga gagasan ini dibantu oleh proses penggabungan, penguatan, dan pengguguran. Dengan analisis secara teoritikal ini, makna ujaran yang taksa dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu dapat dihuraikan dengan jelas.

4.2.1 Ketaksaan Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga ‘dia’

Hasil kajian telah menunjukkan terdapat data yang merujuk kepada penggunaan ganti nama ‘dia’ pada benda-benda yang tidak bernyawa. Sato Hirobumi (1991) membuktikan bahawa ganti nama ‘dia’ boleh merujuk kepada benda-benda yang tidak bernyawa. Perlu ditegaskan di sini bahawa dakwaan yang ganti nama ‘dia’ hanya boleh dipakai untuk [+ manusia] tidaklah salah kerana penggolongan ini telah dilakukan dalam bahasa baku (Nor Hashimah Jalaluddin, 2007), cuma yang hendak ditunjukkan ialah ganti nama ‘dia’ juga boleh digunakan juga untuk merujuk [-manusia] dalam bahasa Melayu dan hal ini telah diakui oleh ahli linguistik Melayu. Kedua-dua pendapat Sato Hirobumi (1991) dan Nor Hashimah (2007) disokong berdasarkan data yang dikutip dan terdapat dalam dialek Terengganu.

4.2.1.1 ‘Dia’ [+Manusia]

Ganti nama ‘dia’ [+manusia] memang ada dalam bahasa Melayu. Ganti nama ‘dia’ ini digunakan untuk merujuk kepada orang ketiga. Berdasarkan Jadual 2 memperlihatkan ketaksaan kata ganti nama diri orang ketiga ‘dia’ [+ manusia].

Jadual 3 : Analisis ketaksaan kata ganti nama diri orang ketiga ‘dia’ [+ manusia]

Perbualan di Kedai Barang Dapur di Pasar Jertih, Besut Terengganu		
Data	Bahasa Melayu	Dialek Terengganu
1	Lepas pada itu mati, mula bekerja dengan ‘dia’.	Lepah pado itu mati, mulo duk kijo dengan ‘dio’.
Makna Linguistik Data 1		
Data	Kategori (Kata)	Makna Literal / Linguistik
1	Dia +manusia	Kata ganti nama diri orang ketiga
Analisis Teori Relevans (TR) Data 1 : ‘Dia’ [+ manusia]		
Kod	Inferens	Andaian
dia	Meninggal dunia/sudah mati	a.Lelaki b.Perempuan c.Majikan lama d.Jenis perniagaan yang sama

Berdasarkan Jadual 3, Data 1 ‘dia’ dalam perbualan telah dikesan mempunyai unsur ketaksaan. Sebelum usaha menginterpretasi ketaksaan ‘dia’ dilakukan, kajian ini terlebih dahulu mengemukakan makna linguistiknya iaitu ‘dia’ di atas jelas merujuk kepada [+manusia] oleh penutur dalam perbualan berkenaan. Namun demikian, persoalan yang timbul adalah siapakah ‘dia’ yang dimaksudkan oleh penutur?, dan apakah kaitan ‘dia’ dalam perbualan tersebut? Keadaan tersebut boleh mewujudkan persoalan kepada pendengar jika tidak melihat kepada perbualan sebelumnya. Sementara itu, Nor Hashimah Jalaluddin (2007) menyatakan bahawa ‘dia’ merujuk kepada ganti nama diri ketiga dan selalunya orang yang dirujuk itu tidak termasuk dalam perbualan. Sehubungan dengan itu, ‘dia’ dalam

perbualan Data 1 memang tidak wujud semasa perbualan berkenaan. Hal ini dapat dilihat dalam perbualan berikut;

- A : Mak Cik Nab mula berniaga bila?
Mok Cik Nab mulo nego bilo?
- B : Arrr... lapan tahun ada dah kan?
Arrr... lapei tahun ado doh kan?
- A : Emm...
Emm...
- B : Lepas pada itu mati, mula duk kerja dengan 'dia'.
Lepah pado itu mati. Mulo duk kijo ngan 'dio'.
- D : Yah pergi mana eh!

Jika dilihat dalam perbualan di atas, sudah pasti kata 'dia' merujuk kepada [+manusia] tetapi siapakah dia dalam perbualan tersebut? Perkara ini telah mewujudkan ketaksaan ganti nama orang ketiga 'dia' dalam perbualan tersebut. Oleh itu, melalui TR, pengkaji dapat menyelesaikan persoalan yang timbul dengan mengambil kira kod, inferens dan membuat andaian dalam TR.

Sedtelah dianalisis menggunakan TR, data 'dia' mudah difahami oleh pendengar kerana inferens 'dia' yang dibuahkan dalam perbualan tersebut merujuk 'meninggal dunia atau sudah mati'. Melalui inferens ini, andaian-andaian yang dikemukakan terbina bagi mendapatkan maksud paling tepat dan jelas selain makna linguistik. Andaian-andaian ini menuju ke arah pengembangan konteks pemula tadi. Daripada terbinanya andaian di atas, kajian ini berpendapat bahawa andaian (a) iaitu majikan lama merupakan andaian yang paling relevan berdasarkan konteks cerita dalam perbualan.

Kerelevanan andaian (a) sebagai makna yang sebenar dapat dibuktikan melalui maklumat tambahan hasil pengembangan konteks pemula. Sperber dan Wilson (1986) menjelaskan bahawa andaian mesti dihubungkan dengan konteks bagi melahirkan implikasi kesan konteks. Sehubungan dengan itu, dalam TR konteks pemula dapat dikembangkan iaitu: (1) melihat ke arah ujaran terdahulu; (2) melihat ke alam persekitaran; (3) merujuk kepada catatan ensiklopedia bagi istilah-istilah yang telah digunakan dalam ujaran dan konteks (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992). Dalam hal ini, Wong Shia Hoo (2013) ada menyatakan bahawa salah satu daripada caranya adalah melalui penguatan maklumat melalui ujaran terdahulu. Jadi, ujaran terdahulu yang dimaksudkan ialah bahagian yang bergaris dalam ungkapan berikut;

- B : Lepas pada itu mati, mula duk kerja dengan dia.
Lepah pado itu mati. Mulo duk kijo ngan dio.
- D : Yah pergi mana eh!

Melalui ujaran terdahulu di atas, 'Lepas pada itu mati,..' telah memperkukuhkan lagi andaian bahawa 'dia' yang dimaksudkan adalah majikan lama tempat penutur bekerja dahulu sebelum membuka perniagaan sendiri. Kesemua andaian dengan maklumat baharuyang telah digabung (ujaran terdahulu) telah mengesahkan lagi kesahihan maklumat baharu andaian (a) sebagai makna yang sebenar. Hal ini menjelaskan bahawa hasil penggabungan antara andaian (a) dengan ujaran terdahulu telah menimbulkan kesan konteks. Andaian lain selain andaian (a) adalah andaian yang tidak kuat dan lemah untuk menimbulkan makna yang tepat terhadap makna penutur berkenaan. Oleh itu, pendengar akan menggugurkan kesemua andaian yang lemah itu tadi. Pengguguran andaian ini akan memudahkan usaha memproses bagi pendengar memperoleh maklumat yang lebih relevan.

Sebagai rumusannya, set andaian di atas terhasil dalam minda pendengar. Mereka akan memproses set andaian secara psikologi (Wong Shia Ho, 2013). Menurutnya lagi, proses psikologi ini dibuat secara inferens bagi menghasilkan kesan konteks yang paling relevan dengan konteks asal. Andaian (a) majikan lama merupakan andaian yang paling relevan dan andaian lain yang tidak konsisten dengan konteks asal teks perbualan digugurkan. Oleh itu, andaian 'majikan lama' menjadi kesan konteks sebenar. Dengan kata lain, makna sebenar kata ganti nama orang ketiga 'dia' yang ingin disampaikan oleh penutur berkenaan ialah merujuk kepada 'majikan lama'.

4.2.1.2 'Dia' [-Manusia]

Penggunaan 'dia' [-manusia] dalam bahasa Melayu sememangnya wujud, (Asmah Hj. Omar, 1991) Daripada data yang dikutip, terdapat penggunaan 'dia' [-manusia] dalam perbualan masyarakat peniaga di Terengganu. Penggunaan 'dia' sedikit pun tidak menimbulkan kejanggalan, malah memudahkan penutur dalam komunikasi. Yang pasti tidak ada ketergendalaan dalam komunikasi, walaupun penggunaan 'dia' sebagai [-manusia] kerap hadir.

Jadual 4 : Analisis ketaksaan kata ganti nama diri orang ketiga 'dia' [-manusia]

<u>Perbualan di Kedai Barang Dapur di Pasar Jertih, Besut Terengganu</u>		
Data	Bahasa Melayu	Dialek Terengganu
2	Ada. Kerajaan tak ada duit. 'Dia' itu duit kita lah.	Ado. Kajaan tak dok duit. 'Dio' tu duit kite lah.
<u>Makna Linguistik Data 2</u>		
Data	Kategori (Kata)	Makna Literal / Linguistik
2	Dia [- manusia]	Kata ganti nama diri orang ketiga
<u>Analisis Teori Relevans (TR) Data 1 : 'Dia' [- manusia]</u>		
Kod	Inferens	Andaian
dia	Benda / bukan manusia	a. Tidak bernyawa b. Kerajaan c. Sayur d. Jualan

Data 2 dalam Jadual 4, telah dikesan mempunyai unsur ketaksaan. Kata ganti nama diri orang ketiga 'dia' [-manusia] telah dikesan dan wujud dalam perbualan di atas. Pentafsiran makna 'dia' ditujukan kepada siapa sudah tentu dipengaruhi oleh konteks ayat. Konteks boleh dikesan melalui latar perbualan pemula cerita itu. Kesemua maklumat tambahan yang dikenal pasti dapat membantu penyelidik menginterpretasi maksud ketaksaan kerana maklumat tambahan adalah merupakan konteks. Apabila maklumat tambahan diproses dengan maklumat baharu maka terhasilah kesan konteks. Kesan konteks merujuk kepada andaian awal yang mempengaruhi kerelevanan sesuatu ujaran. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1991), dalam TR, semakin tinggi kesan konteks sesuatu ujaran itu, semakin tinggilah kerelevanan ujaran tersebut. Sebelum melakukan analisis TR tentang kata 'dia' [-manusia] ini, pengkaji menyenaraikan latar cerita yang menjadi latar perbualan dalam usaha memproses kesan konteks;

Pengkaji bertanyakan mengenai keadaan penjualan semasa kepada peniaga. Peniaga tersebut memberitahu bahawa kurang mendapat pelanggan dan menjejaskan jualan mereka. Menurut peniaga tersebut, jika orang luar balik kampung baru ramai pelanggan di kedainya. Jelasnya lagi jika pasar raya Giant berhampiran siap dibina maka lagi terjejas jualan mereka dan orang tidak suka lagi untuk datang membeli di kedainya. Pengkaji bertanyakan kepada peniaga bahawa adakah sayur dikenakan GST atau tidak?. Peniaga tersebut memberitahu bahawa kerajaan tidak ada duit menyebabkan ada GST terhadap sayur berkenaan.

Gambaran yang diberikan di atas telah memberikan konteks pemula bagi membantu pengkaji menginterpretasi makna yang tersirat bagi 'dia' [-manusia] dalam perbualan tersebut.

Dalam perbualan berikut, jelas memperlihatkan penggunaan kata ganti nama orang ketiga 'dia'.

- A :Nanti Giant siap, makin tak ada orang.
Nanti Giant siap, koho takdop ore.
- B :Ya. Orang malas nak datang pasar.
Ya. Ore malas nok mari pasar.
- A :Sayur ada GST juga?
Sayur ado GST jugok?
- B : Ada. Kerajaan tak ada duit. 'Dia' itu duit kita lah.
Ado. Kajaan tak dop duit. 'Dio' tu duit kito lah.

Daripada perbualan di atas, rujukan 'dia' pada peringkat harfiahnya mudah difahami secara linguistiknya tetapi tidak dapat menjelaskan makna yang tepat yang ingin disampaikan oleh penutur kerana bertentangan dengan maklumat konteks. Oleh itu, melalui analisis menggunakan TR, maklumat inferens dapat dikesan iaitu 'dia' merujuk kepada 'benda / bukan manusia'. Setelah konteks dapat dikenal pasti, pengkaji berpendapat bahawa penginterpretasian Data 2 menjadi lebih mudah dengan melihat ujaran terdahulu dan pengetahuan atau pengalaman sedia ada pendengar untuk mengesahkan konteks tersebut. Tambah lagi, ujaran terdahulu adalah penting untuk membantu menginterpretasikan makna sesuatu ujaran kerana kemampuannya membentuk konteks. Dengan kata lain, ujaran terdahulu jelas dapat membantu menginterpretasi makna 'dia' [-manusia] yang hadir dalam perbualan berikut;

- B :Ya. Orang malas nak datang pasar.
Ya. Ore malas nok mari pasar.
- A :Sayur ada GST juga?
Sayur ado GST jugok?

Oleh itu hasil kajian ini mendapati bahawa andaian (b) dengan ujaran-ujaran terdahulu di atas mempunyai kaitan kerana disebabkan andaian (b) orang tidak datang ke pasar dan semua barang niaga dikenakan GST. Dengan ini, andaian telah diperkukuhkan oleh konteks dan kesan konteks sehingga memudahkan kos proses. Apabila wujud kesan konteks, maka maklumat tersebut menjadi relevans kepada pendengar dapat menggabungkan maklumat sedia ada dengan maklumat baharu sebagaimana yang terkandung dalam prinsip TR. Makna sebenar Data 2 'dia' [-manusi] terhasil iaitu 'kerajaan'. Hal ini kerana ujaran sebelum iaitu '...Kerajaan tak ada duit...' adalah aspek penguatan dalam TR kerana andaian (b) sebagai makna sebenar bagi Data 2. Apabila ujaran sebelum '...Kerajaan tak ada duit...' dikemukakan oleh penutur, pendengar dapat mengaitkan andaian (b) dengan pengalaman mereka pada masa itu yang menghadapi masalah yang sama. Oleh itu andaian (b) mempunyai kesahan yang tinggi kerana kesan konteks yang tinggi. Hal ini membolehkan pendengar mudah memproses makna 'dia' yang dirujuk kepada bukan manusia seperti yang terdapat dalam Data 2.

Andaian (a) tidak bernyawa, (c) sayur, (d) jualan adalah lemah kerana bertentangan dengan konteks. Jadi kesemua andaian tersebut digugurkan disebabkan kerelevanan makna tidak dapat dibuktikan. Lebih banyak andaian digugurkan, maka ujaran itu menjadi semakin kuat dan bertambah relevan (Nor Hashimah Jalaluddin, 1990). Dalam hal ini, pengguguran andaian (a), (c), dan (d) akan menjadikan andaian (b) sebagai makna ketaksahan yang disampaikan oleh penutur berkenaan.

Jelaslah bahawa Data 2 iaitu kata ganti nama diri orang ketiga 'dia' merujuk kepada bukan manusia. Jika dilihat dari segi makna linguistik, maka tidak akan nampak kerelevanan maksudnya dalam konteks yang diberikan. Namun berpandukan TR, ternyatalah bahawa di sebalik makna linguistik, ada makna yang taksa wujud daripada kata ganti nama 'dia' yang merujuk kepada kerajaan. Proses maklumat yang ada dalam ensiklopedia pendengar telah memudahkan pengkaji menjelaskan tentang rujukan kata ganti nama diri 'dia' sebagai orang ketiga. Maklumat yang digunakan untuk membantu memahami ujaran ini adalah dengan menggunakan maklumat pragmatik. Maklumat yang sedia ada saling berkait dengan konteks dan selalu berpaut bagimemudahkan tafsiran selanjutnya.

4.2.2 Unsur Ketaksahan Frasa

Frasa adalah satuan gramatikal yang berupa gabungan kata yang bersifat non predikatif. Batasan itu diguna untuk membezakan frasa dengan ujaran (klausa) kerana ujaran

merupakan gabungan kata yang bersifat predikatif. Kata yang digabungkan tadi berpotensi untuk mewujudkan ketaksaan dalam kalangan pendengar apabila timbul kekeliruan dalam menginterpretasikan makna bukan literal. Oleh yang demikian, data dalam Jadual 5 merupakan temuan data yang dikatakan mempunyai unsur ketaksaan dalam frasa.

Jadual 5 : Analisis Ketaksaan Frasa Data 3

<u>Perbualan di Kedai Makan, Batu Burok, Kuala Terengganu</u>		
Data	Bahasa Melayu	Dialek Terengganu
3	Sebab orang nak beli ikan tak ada sebab nelayan tak pergi ke laut. Sebab ikan import dari Thailand mari. Ikan kotak itu mahal.	Sebab ore nok beli. Ikang tak dok sebab nelayan dok g ke laut. Sebab ikang import dari Thailand mari. Ikan kotak itu yang mahal.
<u>Makna Linguistik Data 3</u>		
Data	Kategori (Frasa)	Makna Literal / Linguistik
3	Ikan kotak	<p>1.Ikan- sejenis binatang yang hidup dalam air. bertulang belakang, poikilotherm, bergerak dengan menggunakan sirip, bernafas dengan insang, dan memiliki gurat sisi (<i>linea lateralis</i>) sebagai organ keseimbangannya.</p> <p>2.Kotak- peti kecil (biasanya dibuat drpd kayu, kadbod) tempat menyimpan sesuatu:</p> <p>3.Ikan Kotak- ikan peti</p>
<u>Analisis Teori Relevans (TR) Data 3</u>		
Kod	Inferens	Andaian
Ikan kotak	Binatang	<p>a.sejenis nama ikan</p> <p>b.ikan yang berada dalam kotak</p> <p>c.ikan peti</p> <p>d.ikan yang telah dibekukan dan disimpan dalam peti sejuk</p>

Data 3 dalam Jadual 5 iaitu ‘ikan kotak’ merujuk kepada frasa kerana terdiri daripada gabungan dua kata atau lebih. Dalam ungkapan ‘ikan kotak itu mahal’, frasa ‘...itu mahal’ merupakan bahagian predikat ayat yang terbina daripada kata ganti nama tunjuk ‘itu’ dan kata adjektif ‘mahal’. Kata inti bagi ‘ikan kotak itu mahal’ ialah ‘ikan’. Sehubungan dengan itu, dalam Data 3, frasa ‘ikan kotak itu mahal’ adalah makna peringkat harfiahnya. Berdasarkan maklumat konteks, ikan kotak, merujuk peti kecil (biasanya dibuat daripada kayu, kadbod) tempat menyimpan sesuatu. Oleh yang demikian, ikan kotak merujuk kepada ikan yang disimpan dalam peti atau ikan peti.

Dengan berdasarkan makna linguistik tersebut secara mudahnya, makna literal ‘ikan kotak’ adalah merujuk kepada ikan yang disimpan di dalam peti. Jika dilihat melalui tafsiran kasarnya iaitu secara harfiah, adalah jelas menerangkan bahawa ‘ikan kotak’ ini merujuk kepada nama sejenis ikan atau sebaliknya. Namun, melalui komunikasi, makna yang hendak disampaikan tidak semestinya dihasilkan daripada makna yang harfiah. Blackmore (1992) menyatakan bahawa penutur selalu menghasilkan satu set proposisi dalam ujaran kerana sebahagiannya dilahirkan secara langsung melalui makna perkataan-perkataan yang digunakan dan sebahagian lagi dihasilkan secara tidak langsung dan diperoleh maklumatnya melalui inferens.

Mengikut pandangan Caroll (2008), jika data bahasa figuratif ini dianalisis menggunakan TR, didapati terdapat lebih makna linguistik yang dikemukakan. Oleh itu, dengan menggunakan TR, Data 3 ini

akan diberikan andaian peranan figuratif bahawa pendengar akan memproses makna frasa ‘ikan kotak’ itu sebagai ikan yang berada dalam kotak. Jika mengambil kira situasi perbualan penutur di atas, Jadual 4 menerangkan bahawa ikan kotak adalah sejenis ikan yang ada dalam peti. Rujukan ikan kotak menerangkan bahawa ikan yang akan disimpan di dalam peti sejuk sebagai proses pembekuan untuk bekalan jika sekiranya sumber ikan habis. Melalui andaian yang telah diberikan, ternyata andaian (d) sangat relevans.

Oleh itu, berpandukan analisis TR, setelah dikemukakan set andaian di atas, proses menentukan andaian yang paling relevan pula dilakukan. Mary Fatimah Tibet (2015), menyatakan bahawa beberapa andaian perlu difikirkan kerana seperti yang telah dinyatakan dalam TR, pendengar akan membina kemudiannya memproses beberapa andaian sebagai wacana awalan.

Seterusnya, maklumat ensiklopedia yang sedia ada akan memainkan peranan kepada pendengar untuk menginterpretasi makna ‘ikan kotak’ yang diucapkan oleh penutur kerana ternyata andaian (d) iaitu ikan yang telah dibekukan dan disimpan dalam peti sejuk adalah selaras dengan pengetahuan sedia ada pendengar. Tambah lagi Data 3 ini memberikan kesan konteks yang tinggi justeru usaha memproses adalah rendah. Kerelevanan andaian (d) juga dapat diperkukuhkan dengan ujaran selepas itu. Hal ini selaras dengan TR yang menyentuh bahawa proses penguatan iaitu andaian awal tadi dapat diperkukuh dengan maklumat baharu yang dikemukakan (Wong Shia Ho, 2013). Menurutnya lagi, dengan melihat ujaran lain boleh membantu dalam penginterpretasian makna. Maklumat baharu yang dimaksudkan ialah ungkapan yang hadir selepas ‘ikan kotak itu mahal’ iaitu;

A	:	Apakah perbezaan ikan kotak dengan ikan biasa? <i>Gape beza ikang kotok ngan ikang biase?</i>
B	:	Dia bezalah sebab ikan kotak ini ikan lama. Sebab dia simpan lama. Dia ikan kotak ini yang proses dengan air batu. Berapa malam dia duduk dalam peti sejuk. Macam sini ikan istimewa ikan daripada laut. Tapi kalau sotong dan barang apa-apa memang mahal ikan di sini. Kalau sotong import harga rm 25 kg kalau sotong segar rm 28 kg yang dipancing. <i>Diye bezalah sebab ikang kotok ni ikang lamo. Sebab dio simpang lame. Dio ikang kotok ni hok proses ngan air batu. Berape malam diye duduk dalang peti sejuk. Macam sini ikang istimewa ikang daripade laut. Tapi kalu sotong dang bare gape-gape memang mahal ikang sini. Kalu sotong import rege RM duwa puluh lime ya sekilo kalu sotong segar RM duo puluh lapang ya sekilo hok dipancing.</i>

Rumusannya, dalam ungkapan di atas, ayat ‘...Dia ikan kotak ini yang proses dengan air batu. Berapa malam dia duduk dalam peti sejuk...’telah membekalkan maklumat ensiklopedia bahawa ikan kotak itu merujuk ikan yang disimpan dalam peti sejuk. Oleh yang demikian, andaian (d) adalah tepat dan jelas memberikan makna ‘ikan kotak’. Manakala andaian-andaian lain (a), (b) dan (c) yang bertentangan dengan maklumat konteks ini digugurkan. Hal ini memudahkan usaha memproses andaian yang lain. Pengguguran andaian (a), (b) dan (c) juga menguatkan andaian (d) sebagai makna ketaksaan frasa tersebut. Dengan demikian, pendengar mudah untuk membina makna kerana melalui andaian (d) sudah menunjukkan bahawa kos memproses tidak tinggi. Analisis TR mampu mengetengahkan maksud-maksud di sebalik kata-kata yang tersirat. Jadi ‘ikan kotak’ bukan sejenis nama ikan jika difahamkan maksud literalnya sebaliknya, penutur menyatakan kepada pendengar bahawa ‘ikan kotak’ merujuk kepada ikan yang telah dibekukan dan disimpan dalam peti sejuk untuk stok jika bekalan ikan segar kurang.

4.2.3 Unsur Ketaksaan Ayat

Ayat yang taksa juga dapat menghasilkan pelbagai maksud. Dengan kata lain, ketaksaan ditakrifkan sebagai sifat binaan atau konstruksi yang dapat diberi lebih daripada satu tafsiran. Untuk dapat mengenal pasti perbezaan erti sesuatu ayat, kita perlu secara intuitif, menyedari kewujudan dua jenis binaan ayat yang berbeza. Oleh yang demikian, pengkaji telah menjumpai data-data yang mempunyai unsur ketaksaan dalam perbualan masyarakat di Terengganu. Berikut ialah data yang direkod dalam perbualan;

Jadual 6 : Analisis Ketaksaan Ayat Data 4

<u>Perbualan di Kedai Makan, Batu Burok, Kuala Terengganu</u>		
Data	Bahasa Melayu	Dialek Terengganu
4	Hak nombor satu kena sabar. Sebab rezeki masing-masing. Kadang-kadang ada pelanggan ramai datang masuk keda kita, dan tuan kedai lain kata kita main barang tak elok.	Hok nombor satu kena sabar. Sebab rezeki masing-masing. Kadang-kadang ade pelanggan rama datang masuk keda kita, dang tuan keda laing kate kita main barang dok molek.
<u>Makna Linguistik Data 4</u>		
Data	Kategori (Ayat)	Makna Literal / Linguistik
4	'...kita main barang tak elok.'	1. Kita – kata ganti nama diri orang pertama, saya dan kamu semua 2. Main - sesuatu yang dilakukan untuk bersenang-senang atau bersuka-suka (dengan menggunakan alat-alat tertentu atau tidak) 3. Barang -segala macam perkakas rumah dan perhiasan 4. Tak - singkatan 'tidak' 5. Elok - cantik, menarik: rupanya sangat
<u>Analisis Teori Relevans (TR) Data 4</u>		
Kod	Inferens	Andaian
'... kita main barang tak elok.. '	Permainan	a.memiliki barang mainan yang telah rosak b.bermain dengan mainan yang telah rosak dan tidak elok c.mengamalkan ilmu sesat sebagai pendamping atau penarikkan d.menggunakan barang yang tidak elok

Berdasarkan Jadual 6, terdapat ungkapan yang tersirat yang mencetuskan kekeliruan kepada pendengar. Ungkapan '...kita main barang tak elok' boleh ditafsirkan maknanya seperti seseorang itu mengamalkan ilmu pendamping untuk menarik pelanggan. Bagi mensahihkan makna ujaran tersebut, kajian ini perlu membuat andaian awal kerana mendapati bahawa '...kita main barang tak elok.' bukan merujuk pada seseorang bermain barang atau mainan yang tidak elok dan rosak malah maknanya berbeza sekali dari sudut linguistik makna asalnya.

Sehubungan dengan itu, Data 4 iaitu '...kita main barang tak elok.' pada peringkat makna harfiahnya adalah kata ganti nama diri orang pertama, saya dan kamu semua, dan sesuatu yang dilakukan untuk bersenang-senang atau bersuka-suka, dengan barang yang membawa makna segala macam perkakas rumah dan perhiasan yang tidak cantik.

Dengan berdasarkan makna linguistik tersebut, ‘...kita main barang tak elok.’ telah dijelaskan sebagai ‘suka main barang yang tidak cantik atau menarik’. Walau bagaimanapun, makna linguistik tersebut jelas tidak memaparkan makna sebenar yang hendak dikemukakan oleh penutur kerana ia tidak selaras dengan konteks ujaran.

Bagi mendapatkan makna sebenar, analisis TR dilakukan dalam kajian ini. Andaian tentang makna sebenar ‘...kita main barang tak elok’ dikemukakan seperti yang berikut:

- a. memiliki barang mainan yang telah rosak
- b. bermain dengan mainan yang telah rosak dan tidak elok
- c. mengamalkan ilmu sesat sebagai pendamping atau daya tarikan
- d. menggunakan barang yang tidak elok

Kesemua andaian di atas telah dibuat oleh pengkaji berdasarkan ungkapan ‘...kita main barang tak elok’ untuk dirungkaikan makna yang betul dan tepat seperti yang ingin disampaikan oleh penutur dalam perbualan berkenaan. Hal ini demikian kerana pembeli bertanyakan kepada penjual ‘*Dari segi persaingan jualan di sini bagaimana?*’ dan penjual memberitahu bahawa ‘...Hak nombor satu kena sabar. Sebab rezeki masing-masing. Kadang-kadang ada pelanggan ramai datang masuk kedai kita, dan tuan kedai lain kata kita main barang tak elok...’. Daripada empat andaian yang dibuat oleh pendengar, andaian yang paling relevan dengan makna ayat ‘...kita main barang tak elok...’ ialah andaian (c). Justeru makna sebenar yang ingin disampaikan adalah seperti dalam andaian (c) mengamalkan ilmu sesat sebagai pendamping atau penarikan oleh pembeli untuk memikat pelanggan masuk makan dan minum di kedainya. Dalam budaya segelintir masyarakat Melayu, ada yang masih percaya dan mengamalkan ilmu sebegini. Oleh itu, dalam situasi perbualan ini, peniaga mengakui bahawa orang lain akan menuduhnya mengamalkan ilmu tersebut untuk melariskan jualan makanan di kedainya. Andaian-andaian lain (a), (b), dan (d) yang bertentangan dengan maklumat konteks digugurkan. Hal ini akan lebih memudahkan pendengar dalam usaha memproses andaian lain. Pengguguran kesemua andaian itu telah menguatkan lagi andaian (c) sebagai makna kepada ketaksaan ayat di atas.

Sperber & Wilson (1986) menyatakan bahawa sesuatu andaian adalah relevan dalam konteks hanya jika andaian tersebut mempunyai beberapa kesan konteks dalam konteks tersebut. Kebenaran dan kesahan kesemua andaian di atas sebagai makna taksa ‘...kita main barang tak elok...’ ini dapat dibuktikan melalui penguatan maklumat dengan ensiklopedia pendengar yang sedia ada. Maklumat ensiklopedia pendengar tentang ungkapan tersebut apabila digabungkan dengan kesemua andaian yang dikemukakan dapat menghasilkan kesan konteks yang tinggi. Pendengar dapat membayangkan situasi sebenar seperti yang dimaksudkan oleh peniaga kepada pembeli.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa andaian (c) yang dikemukakan bagi data ‘...kita main barang tak elok...’ sangat tinggi kesahannya kerana tidak memerlukan kos memproses yang banyak. Dalam TR, semakin rendah usaha memproses sesuatu ujaran, maka semakin tinggillah kerelevanan ujaran itu (Wong Shia Ho, 2014a). Tambah lagi kos memproses makna adalah sangat rendah kerana ujaran ini selaras dengan pengetahuan sedia ada pendengarnya. Melalui perbualan antara pembeli dengan penjual, makna ungkapan ‘...kita main barang tak elok...’ boleh dirujuk melalui ujaran terdahulu mahupun ujaran yang wujud selepasnya.

5. Kesimpulan

Ketaksaan adalah satu bentuk kekaburan, kekeliruan dalam bentuk kata, frasa atau ayat yang menimbulkan satu atau dua makna mengikut konteks penggunaannya. Ketaksaan juga dikenali sebagai ambiguiti. Ketaksaan terjadi apabila ketidaktentuan dalam pemprosesan maklumat kerana terdapat lebih daripada satu tafsiran bagi data input. Ketaksaan terjadi pada semua peringkat bahasa, sama ada pada kata, frasa, klausa, ayat, dan wacana. Penutur sering menggunakannya apabila ingin menyampaikan maksud-maksud tertentu, yang kadang-kadang sengaja dibuat untuk menyembunyi maksud percakapan yang sebenarnya.

Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa terdapat 4 data yang memperlihatkan unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga di Terengganu. Kesemua ketaksaan dalam bentuk kata, frasa dan ayat atau ungkapan dapat dirungkaikan maknanya menggunakan TR. Kesemua bentuk ketaksaan ini sudah menjadi lambang keperibadian masyarakat peniaga di Terengganu apabila mereka berbual. Pendek kata, menggunakan frasa dan ayat sindiran yang taksa telah menampakkan bahawa masyarakat Terengganu mempraktiknya secara spontan apabila berkomunikasi. Kesimpulannya, kajian seperti ini perlu diperluaskan lagi dalam kalangan masyarakat peniaga di tempat lain. Hal ini demikian kerana kebarangkalian dialek yang ada di Malaysia ini mempunyai unsur ketaksaan dalam perbualan. Tidak rugi jika skop batasan kajian diperluaskan agar dapatan kajian yang empiris dan tulen boleh memberikan impak yang berguna dalam kajian Bahasa dan masyarakat Melayu.

Rujukan

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2003). *Kamus Peribahasa Kontemporari Edisi Kedua*. Kuala Lumpur :PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd
- Abdullah Yusof, Alias Mohd Yatim, Mohd Ra'in Shaari.(2009). *Semantik dan Pragmatik Bahasa Melayu*.Kuala Lumpur :Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Alwi. 2002. *Telaah Bahasa dan Sastra*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). Pentafsiran Makna dalam Ujaran Saling Memahami. *Jurnal Linguistik*, vol. 20 (2) Disember 2016 (033 – 041).
- Asmah Haji Omah. (1991). *Bahasa Melayu Abad Ke-16. Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqaid AI-Nasa'ji*, Kuala Lumpur' Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1991). *Indirectness as a Rule of Speaking Among the Malays:Stensilan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blackmore, D., (1992). *Understanding Utterances:An Introduction To Pragmatics*. Oxford:Basil Blackwell
- Caroll, D.W.,(2008). *Psychology Of Language*. Canada: Thomson Wadswort.
- Dewa Putu Wijana & Muhammad Rohmadi. (2008). *Sosiolinguistik: kajian teori dan analisis*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Djajasudarma, T. Fatimah. (1999). *Semantik 2, Pemahaman Ilmu Makna*. Bandung : PT. Refika Aditama.
- Erik Santoso. (2020). *Ambiguitas Pada Judul Berita Surat Kabar Suara Merdeka Edisi September-Oktober 2019 dan Implikasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Indonesia Di SMA, Indonesia: Skripsi.Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan. Universitas Pancasakti Tegal*
- Fatin Rabiha Abdul Kadir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). *Ujaran Implisit dalam Filem Melayu Klasik Sri Mersing*. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. Vol. 6; 13-24
- J.f Hong, (2015). *Verb Sense Discovery in Mandarin Chinese – A Corpus Based Knowledge-Intensive Approach*. Springer-Verlag Berlin Heidelberg. Germany.
- Maheram Ahmad (2016) *Ketaksaan dalam Penterjemahan*. Diperolehi pada 20 Sep 2019 <https://www.slideshare.net/maheramahmad7/ketaksaan-dalam-penterjemahan>
- Mary Fatimah Subet. (2011) *Teori Relevans (Tr) Dalam Personifikasi*. In Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal, Harishon Radzi (Eds.). *Pemantapan Dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus* (Pp.116-129). Selangor. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mary Fatimah Subet. (2015). Sajak "Pelacur Tua": Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa* , 15 (1), 113-142.
- Mursia Ekawati dan Asri Wijayanti (2017). *Ketaksaan Judul Berita dan Implikasinya Pada Pembaca* . Seminar Nasional Riset Inovatif, ISBN: 978-602-6428-11-0
- Muhammad Zuhair Zainal, (2015). *Makna Ujaran Tak Langsung dalam Skrip Drama Terpilih dari Sudut Pragmatik*. Tesis PhD. UPM. Serdang
- Norhidayu Hasan. (2018). *Implikatur Dalam Filem Patriotik*. Tesis Master. UPM Serdang
- Nor Hashimah Jalaludin (1990). *Kekaburan dalam ganti nama Melayu Serawak: masalah dan penyelesaiannya*. *Jurnal Dewan Bahasa Bahasa* 33 (10): 873-884.

- Nor Hashimah Jalaluddin. (1991). Keimplisitan Ujaran: Satu Analisis Teori Relevans. *Jurnal Dewan Bahasa*, 35(6): 474-83.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaludin (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin (1995) *Fungsi dan Pola Nama Melayu: Satu Interpretasi Semantik dan Pragmatik*. *Akademika* 47, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaludin (1995). Bahasa jual beli dalam perniagaan runcit: satu analisis semantik dan pragmatik. Tesis Ph.D, Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Norsimah Mat Awal (2004). Citra Lelaki Dulu dan Kini dalam Prosa Melayu: Analisis Teori Relevans. *Jurnal e-Bangi* Jilid 1, Bilangan 1 Julai – Disember.
- Nor Hashimah Jalaludin (2007). Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik. *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur: Dawarna Sdn.Bhd
- Radiah Yusuf & Nor' Aini Ismail. (2000). Weltanschauung Semantik Melayu Terhadap Sungai: Kajian Makna Tak Harfiah Dalam Bahasa Kiasan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44 (7), 738- 748.
- Roslina Mamat., Normaliza Abd Rahim, Rosmawati Abdul Rashid, Hazlina Abdul Halim & Nor Shahila Mansor (2014) Interaksi Kumpulan Kecil Pelajar Korea dalam Pembelajaran Bahasa Melayu: Satu Analisis Wacana. *Journal of Business dan Social Development*, 2(2): 91-99.
- Sato Hirobumi. (1999). Ketaksaan Dalam Komunikasi Verbal. In Hasan Alwi, Dendy Sugono (Ed), *Telaah Bahasa Dan Sastra: Persembahan Kepada Prof. Dr. Anton M. Moeliono* (Pp. 95-109). Jakarta: Pusat Pembinaan Dan Pengembangan Bahasa.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *Relevance Communication And Cognition*. Cambridge: Harvard University Press.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1999). *Relevans Komunikasi Dan Kognisi*. (N. H. Jalaluddin, Trans.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sperber, D. & Wilson, D. (2012). *Meaning And Relevance*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ullmann, S. (2007). *The principles of semantics*. Oxford: Blackwell.
- Ullman, Stephen, (2007). *Pengantar Semantik*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Wibowo, Wahyu. (2001). *Otonomi Bahasa 7 Strategis Tulis Pragmatik Bagi Praktisi Bisnis Dan Mahasiswa*, Jakarta : Gramedia Pustaka Utama.
- Wibowo, Wahyu. (2001). *Manajemen Bahasa Pengorganisasian Karangan Pragmatik dalam Bahasa Indonesia untuk Mahasiswa dan Praktisi Bisnis*, Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Wong Shia Ho (2013). Keharmonian kaum dalam ucapan tunku abdul rahman: analisis teori relevans. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, Jilid 11.
- Wong Shia Ho. (2013). Bahasa Figuratif Sebagai Wahana Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa* , 39-63.
- Wong Shia Ho. (2014b). Makna Penutur Dalam Ayat Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Satu Analisis Teori Relevan. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature*, 5, 208-239.
- Wong Shia Ho. (2014a). “Analisis Kehidupan Penagih Dadah dalam Lirik Lagu ‘Mati Hidup Semula’ Secara Pragmatik. *Jurnal Bahasa*;, Volume 14, No 1.
- Wong Shia Ho. (2014c). Ungkapan Implisit Dalam Berita Bola Sepak Piala Dunia 2014: Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa* , 219-238.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah (2000). “Penggunaan Bahasa dalam Pertuturan Kanak-kanak Melayu- Satu Analisis Pragmatik”. Tesis Sarjana. UPM. Serdang
- Zaiton Ismail. (2003). “Bahasa Berirama dari Sudut Pandangan Teori Lakuan Bahasa, Teori Grice dan Teori Relevans” dlm. *Dewan Bahasa* Januari 2003. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2005) “Bahasa, Konteks dan Pemikiran kanak-kanak: Satu Analisis Pragmatik” dlm. *Jurnal Bahasa*, Jun 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). *Memahami Pertuturan Kanak-Kanak Melalui Analisis Pragmatik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Biodata Pelajar

Zul Hanis bin Yop Othman merupakan calon master bidang bahasa Melayu ini berasal dari Jertih, Besut, Terengganu. Mendapat pendidikan rendah di SK Pusat Jertih, Besut Terengganu. Seterusnya, mendapat pendidikan menengah di SMK Seri Nering, Besut Terengganu. Pada tahun 2011, selepas tamat pengajian tingkatan enam, pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Putra Malaysia dalam bidang Bahasa dan Linguistik Melayu. Kini, pelajar menyambung pengajian peringkat master.

Zaitul Azma bt Zainon Hamzah, Ph.D ialah pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM. Bidang kepakaran ialah semantik dan pragmatik, Pendidikan Awal Kanak-kanak, Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama, Penelitian Kualitatif dalam kajian bahasa.